

19 April 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan MSPO Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Lepar Hilir.**

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Lepar Hilir telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm oil untuk Rancangan FELDA Gugusan Lepar Hilir. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 4 rancangan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan FELDA Gugusan Lepar Hilir.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Lepar Hilir pada 23 hingga 25 Mei 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholders'. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Lepar Hilir 1	Pejabat Felda Lepar Hilir 1 & 4, 26300 Gambang, Pahang.	1,908.98	458	Lat: 3.6458333, Long: 103.07777777777777
Lepar Hilir 2	Pejabat Felda Lepar Hilir 2, 26300 Gambang, Pahang.	1,553.67	157	Lat: 3.6725429 Long: 103.0337136
Lepar Hilir 3	Pejabat Felda Lepar Hilir 3, 26300 Gambang, Pahang.	1,523.47	359	Lat: 3.661609 Long: 102.988678
Lepar Hilir 4	Pejabat Felda Lepar Hilir 1 & 4, 26300 Gambang, Pahang.	673.98	336	Lat: 3.6458333, Long: 103.07777777777777

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan, dan pensijilan produktiviti. Semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain.

Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Lepar Hilir terdiri daripada:

**En. Mohd Rizal Bin Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial)

**En. Abdul Hakim Bin Mohamad** sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang dan Alam Sekitar)

**En. Mohd Johari Bin Kassim** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah Urusan**  
Pn. Maniza Mamat  
Trans Certification International Sdn Bhd.  
No. 15 & 17, Ground Floor ICT HUB,  
Jalan Putra Square 4, Putra Square,  
25200 Kuantan Pahang.  
Fax: +609-560 9613  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

**DAN/ATAU Auditee:**  
En. Ahmad Shahrir Ismail  
Certification & Due Diligent  
FELDA Global Ventures Holdings Berhad  
Lavel 20, Menara Felda, Platinum Park,  
No. 11, Persiaran KLCC  
50088 Kuala Lumpur, Malaysia  
Fax : +603-2859 1311  
Email : [shahrir.i@feldaglobal.com](mailto:shahrir.i@feldaglobal.com)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Maniza Mamat  
Pengarah Urusan

